



“Amalan audit dalaman Malaysia juga **menjadi kayu ukur industri serantau** kerana ramai juruaudit dari Indonesia, Maldives, Thailand, Kemboja dan Filipina turut menyertai persidangan kebangsaan juruaudit Malaysia untuk pendedahan membabitkan amalan terbaik industri”

Ranjit Singh,
Presiden Institut Juruaudit Dalaman Malaysia

IIAM jangka khidmat audit meningkat

» *Kesedaran syarikat senaraian awam dalam urus risiko*

Oleh Aizuddin Sapien
aizuddin@bh.com.my

Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) menjangka permintaan bagi perkhidmatan audit dalaman di Malaysia terus meningkat berikutan kesedaran dalam kalangan pengurusan syarikat senaraian awam, terutama dalam aspek pengurusan risiko.

Sebelum ini, perkhidmatan itu hanya digunakan dalam keadaan terhad seperti proses siasat semak urusan syarikat sebelum sesebuah syarikat disenaraikan di pasaran saham atau ketika syarikat perlu melakukau pemfailan berkaitan cukai.

Presidennya, Ranjit Singh,

berkata semakin banyak syarikat sekarang yang mahukan perniagaan masing-masing berdaya tahan dalam tempoh jangka panjang dan keadaan itu menjadikan aspek pengurusan risiko peniagaan sebagai sesuatu yang amat penting bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah tepat.

Katanya, keadaan itu meningkatkan peranan juruaudit di negara ini yang mana mereka kini terbabit secara lebih mendalam dengan perniagaan pelanggan, justeru perlu memahami jenis atau urusan perniagaan sesebuah syarikat.

Tingkat pengetahuan

“Justeru, adalah penting bagi juruaudit di negara ini meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka kerana semakin hari, risiko dan cabaran syarikat juga semakin kompleks.

“Sehubungan itu, kami dapat pengajuran Persidangan Kebangsaan membabitkan Pengauditan Dalaman dengan tema ‘Menetapkan Tahap Lebih Tinggi: Menambah Nilai’ sebagai

platform terbaik untuk perkongsian maklumat kepada juruaudit untuk mempelajari amalan industri terbaik,” katanya pada sidang media, selepas majlis perasmian National Conference on Internal Auditing 2013, di Kuala Lumpur.

Mengulas lanjut, Ranjit berkata, khidmat juruaudit dalaman negara ini mendapat permintaan tinggi di luar negara, terutama dalam kalangan negara Asia Tenggara sehingga membolehkan sebilangan firma juruaudit tempatan mengeksport perkhidmatan mereka.

“Amalan audit dalaman Malaysia juga menjadi kayu ukur industri serantau kerana ramai juruaudit dari Indonesia, Maldives, Thailand, Kemboja dan Filipina turut menyertai persidangan kebangsaan juruaudit Malaysia untuk pendedahan membabitkan amalan terbaik industri,” katanya.

Persidangan dua hari itu yang berakhir semalam.

Selama dua hari persidangan itu mengumpulkan 900 peserta dari kalangan juruaudit di Malaysia dan luar negara.